

Kebolehpasaran Graduan: Tinjauan Kaji Selidik terhadap Alumni Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang

Norziah Othman^{1*} dan Siti Syuhada Abd Rahman¹

¹Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Universiti Islam Selangor

*Pengarang koresponden: norziah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Universiti Islam Selangor merupakan antara salah sebuah universiti Islam tempatan yang menyahut seruan kerajaan agar dapat mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran baharu demi memenuhi keperluan semasa industri. Mengurangkan kebergantungan kepada majikan, kerajaan mahupun swasta adalah antara cadangan yang dilontarkan supaya graduan mampu berdikari namun masih mampu menjana pendapatan sendiri demi kelangsungan hidup. Oleh itu kertas kajian ini dihasilkan daripada kajian tinjauan kebolehpasaran graduan yang menggunakan set soal selidik melibatkan data yang dikumpul secara kuantitatif, Analisis dilakukan secara deskriptif merangkumi peratus kekerapan. Hasil kajian ini mendapati lebih 93 peratus responden bersetuju bahawa program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian) yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran semasa. 84.8 peratus alumni program yang terlibat dalam kajian ini telah ditawarkan bekerja di organisasi milikan tempatan serta bekerja bersesuaian dengan bidang. Tempoh tiga tahun pengajian juga diakui bersesuaian dan mencukupi. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa lebih 50 peratus graduan program ini berupaya menjana pendapatan melebihi RM2500. Beberapa cadangan diberikan oleh responden bagi menambahbaik kualiti program yang ditawarkan ini. Antaranya adalah menawarkan lebih banyak subjek yang relevan berkaitan ekonomi antarabangsa, pengurusan risiko, konsep asas praktikal dan forum berkaitan kerjaya. Tempoh praktikal sedia ada selama empat bulan juga dicadangkan agar dilanjutkan bagi memberikan pendedahan mendalam kepada bakal graduan dengan dunia pekerjaan sebenar.

Kata Kunci: Kehendak Pasaran, Kebolehpasaran, Alumni

1. PENGENALAN

Peningkatan bilangan institusi pengajian tinggi membuka peluang yang lebih besar kepada rakyat terutamanya belia untuk mendapatkan pendidikan tertiar dan seterusnya meningkatkan potensi modal insan dalam negara (Nooriah, Zakiah & Norain, 2013). Namun sekiranya peningkatan bilangan graduan tidak disertai dengan peluang pekerjaan yang selari dengan kelulusan dan bidang pengajian, ianya boleh menimbulkan tanggapan bahawa pendidikan tinggi kurang berjaya dalam menghasilkan tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan pasaran. Ketidakeimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh dalam kalangan siswazah menimbulkan banyak isu iaitu daripada segi peranan institusi pengajian tinggi dan program pengajian yang ditawarkan. Malah kualiti graduan yang dilahirkan juga dipersoalkan. Menurut Nooriah, Zakiah dan Norain (2013), kesukaran memperoleh pekerjaan dan pengangguran dalam kalangan siswazah ini berkait rapat dengan kekurangan kemahiran kebolehpasaran dan kebolehkkerjaan graduan itu sendiri.

Oleh itu kualiti pendidikan perlu dipertingkatkan selari dengan peredaran masa agar hasil idea dan pemikiran berupaya diterjemahkan dalam konteks moden yang dapat memenuhi keperluan semasa dan global. Bahkan Shah Rubani, Mohd Isa dan Khadijah (2017) mendapati kemunduran dan kelemahan graduan untuk berdaya saing dengan dunia global dan pasaran kerja merupakan antara punca yang mendorong wujudnya halangan kepada kemenjadian individu yang kompeten. Pendekatan teknologi iaitu pendidikan berteraskan konsep abad ke 21 merupakan keutamaan dalam pembelajaran masa kini (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019).

Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi optimis dan komited terhadap generasi yang dihasilkan iaitu modal insan dinamik dan berpengetahuan dalam menangani isu dunia dan global secara inovatif. Kombinasi pendidikan yang bersifat teori dan praktikal berasaskan teknologi menjadi fokus utama pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Peningkatan dalam kebolehpasaran modal insan dipercayai mampu memperkukuhkan ekonomi negara di samping merapatkan jurang pendapatan rakyat dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

2. SOROTAN LITERATUR

Isu berkaitan kebolehpasaran ini kerap dibincangkan. Pada tahun 1950an misalnya, kebolehpasaran diberikan penekanan kepada kebolehan sosial, fizikal dan mental sebagai keperluan dalam pekerjaan (Dhawad, 2015). Pada era 1960an, perkembangan ekonomi antarabangsa telah mengubah skop kebolehpasaran berasaskan kepada permintaan tenaga kerja merentasi sempadan. Kemudian pada era 1970an, konsep kebolehpasaran tertumpu kepada pengawalan buruh menerusi peraturan dan undang-undang melibatkan pekerja yang lebih tersusun demi menjaga kebajikan pekerja. Selanjutnya, perubahan ketara berlaku pada tahun 1980an apabila kajian kebolehpasaran banyak tertumpu kepada perkembangan kerjaya individu melalui pembangunan kemahiran dan perhubungan di tempat kerja. Kini, konsep kebolehpasaran telah menjadi lebih fleksibel dengan melihat kepada perbezaan keperluan individu dan organisasi yang menuntut hubungan dan kerjasama antara pekerja dan majikan bagi mencapai objektif masing-masing (Jackson, 2016).

Terdapat tiga faktor kebolehpasaran iaitu faktor individu melibatkan kemahiran kebolehpasaran, ciri-ciri demografi, kesihatan dan kehidupan, kecekapan pencarian pekerjaan, keupayaan menyesuaikan diri dan fleksibel. Faktor kedua pula merangkumi keadaan peribadi iaitu, keadaan keluarga, budaya kerja dan akses kepada sumber. Manakala ketiga adalah faktor luaran iaitu permintaan dalam pasaran kerja dan sokongan luaran. (Guilbert et al. 2016; Jonck 2014; Lorraine et al. 2014). Namun kajian ini hanya berfokuskan kepada kebolehpasaran iaitu bagi meneroka daripada aspek program pengajian dan keupayaan diri graduan itu sendiri menempatkan diri mereka dalam pasaran kerja.

Kelemahan generasi hari ini banyak disebabkan oleh masalah potensi, bakat dan keupayaan diri dalam menguasai pelbagai aspek dalam pasaran kerja. Menurut Fenwick (2003), Teori Kognitif dan Teori Tingkah Laku diperlukan bagi membentuk kebolehpasaran seseorang bakal graduan yang cekap daripada segi ilmu pengetahuan dan kompeten yang dipamerkan melalui sikap dan tingkah laku semasa bekerja. Kompetensi modal insan ini perlu dibentuk sejak di bangku sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Teori Kognitif menekankan aspek pemikiran dalam pembelajaran iaitu melibatkan kekuatan daya kreativiti dan pemikiran seseorang untuk berfikir secara kreatif dan kritis seterusnya penjanaan idea yang membawa kepada inovasi. Namun pendekatan pengajaran yang interaktif berbantuan kemudahan teknologi mampu menggalakkan minat dan kecenderungan pelajar terlibat aktif dalam pembelajaran.

Teori Tingkah Laku atau 'Behaviorisme' pula menekankan aspek tingkah laku semasa belajar (Werner & Desimons, 2006). Perubahan tingkah laku seseorang akan dilihat dan dinilai bagi melihat perubahan hasil pembelajaran yang berjaya dipindahkan. Pembelajaran berasaskan tingkah laku dianggap berkesan apabila pelajar dapat melakukan sesuatu dengan cekap, kompetensi dan berupaya mempraktikkannya. Jika pelajar masih memerlukan

pemantauan dan sokongan daripada pensyarah maka ia menunjukkan masih terdapat kelemahan dan jurang dalam pembelajaran yang perlu ditambahbaik.

Kekompetenan seseorang individu itu diukur berdasarkan kepada kemahirannya berkomunikasi, bekerja dalam pasukan, berkebolehan menyelesaikan masalah dan kreatif. Kemahiran ini dikenalpasti sebagai kemahiran insaniah yang disenaraikan oleh Enah et al. (2019) sebagai salah satu daripada lima kemahiran kebolehpasaran yang perlu dimiliki oleh graduan. Secara umumnya kemahiran insaniah merujuk kepada sifat-sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh seorang graduan sesuai dengan kehendak organisasi seperti berfikiran kreatif dan kritis, kemahiran membuat keputusan, bertanggungjawab, berintegriti, menepati masa, boleh menyesuaikan diri, kerja berkumpulan dan fleksibel (Taylor, 2016).

Komunikasi berlaku dalam organisasi seperti komunikasi bersama rakan kerja, komunikasi antara pengurus dengan subordinat, komunikasi antara pekerja bawahan dan komunikasi bersama pihak berkepentingan. Kemahiran berkomunikasi diukur oleh sejauh mana maklumat berupaya disampaikan oleh pelajar melalui tugas pembentangan dalam kelas samada secara individu mahupun berkumpulan.

Menurut Nor Khayati, Mohd Isa dan Khadijah (2017), kerjasama atau kerja berpasukan menekankan aspek keupayaan bekerja dalam kumpulan. Personaliti seseorang itu dibentuk dan ia mampu membantu pelajar agar tidak mementingkan diri sendiri dan saling sokong menyokong antara satu sama lain dalam kumpulan. Nilai ini perlu diamalkan sehingga ke mereka berada dalam industri dan organisasi (Bell, 2010). Kelemahan dan kesukaran membina hubungan akan menyebabkan seseorang sukar mencapai kerjasama antara rakan kerja dan boleh menjejaskan kualiti dan hubungan dengan pengurusan atasan, Bahkan, pelanggan mungkin berasa kurang selesa dengan sikap pegawai yang kurang memberangsangkan ketika berurusan. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan reputasi syarikat dan kemungkinan risiko lain yang mendatangkan kesukaran lain pada masa hadapan.

Organisasi amat mementingkan pekerja yang mampu menyelesaikan masalah melibatkan pengurusan organisasi secara terancang dan teratur. Pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan graduan diperlukan bagi memikirkan keruncingan ekonomi, kekangan pasaran tempatan dan global (Lehman et al., 2006). Ajzen (1991) mendapati bahawa kompeten seorang pekerja diukur melalui penglibatannya dalam organisasi menyelesaikan masalah organisasi secara cekap dan berkesan. Kang (2010) menekankan bahawa pekerja yang kompeten berpotensi diiktiraf sebagai pekerja cemerlang dan diberikan anugerah, pengiktirafan, ganjaran dan kenaikan pangkat oleh organisasi.

Kreatif dalam membuat pelan tindakan dan rancangan pembangunan kerja perlu dimiliki oleh seorang pekerja dalam organisasi. Keupayaan berfikir diadaptasikan dengan persekitaran dan kecenderungan menilai implikasinya merupakan antara elemen kompetensi yang diperlukan dalam pasaran kerja. Kebanyakan organisasi masa kini memerlukan pekerja yang holistik serta relevan selari dengan peredaran masa.

Kemahiran kebolehpasaran lain adalah aplikasi kemahiran, efikasi sendiri, metakognisi dan kemahiran keusahawanan. Aplikasi kemahiran adalah keupayaan graduan memilih dan menggunakan kemahiran yang dimiliki secara cekap dan berkesan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Keupayaan graduan mengaplikasikan kemahiran menjadi semakin penting dalam dunia pekerjaan masa kini. Efikasi sendiri merupakan ciri kebolehpasaran yang perlu dimiliki oleh seorang graduan. Identiti diri, keyakinan dan kemampuan menjayakan

strategi dan matlamat organisasi ternyata memberikan kelebihan kepada prestasi kerja graduan dan membantu organisasi agar kekal berdaya saing dalam pasaran global.

Metakognisi merujuk kepada kesedaran graduan mengenai kepentingan meningkatkan kompetensi melalui pementapan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (Asonitou 2015; Ling & Venesaar 2015). Graduan perlu diberi peluang untuk menilai dan memberi maklum balas tentang pengalaman pembelajaran dan latihan yang mereka ikuti seterusnya memperkasakan lagi kemahiran kebolehpasaran mereka (Jackson, 2010; Ling & Venesaar, 2015).

Kemahiran keusahawanan adalah kemampuan graduan untuk meneroka dan membina peluang dengan mencipta nilai tambah terhadap kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki melalui inovasi, inisiatif dan semangat keusahawanan (Bell 2016; Galloway et al., 2014; Hatem et al. 2016). Kemahiran keusahawanan ini bukan sahaja untuk membolehkan graduan mencipta pekerjaan, tetapi juga berupaya mengurangkan kebergantungan kepada majikan, kerajaan mahupun swasta agar graduan mampu berdikari namun masih mampu menjana pendapatan sendiri demi kelangsungan hidup.

Kemahiran kebolehpasaran perlu dikuasai dan dimiliki oleh seorang graduan agar mereka menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan dan berpendapatan setimpal dengan kelayakan akademik yang diperoleh. Ia sekaligus menyumbang kepada kemaslahatan ummah dengan mentransformasikan ekonomi negara ke arah mencapai status negara maju.

3. METODOLOGI KAJIAN

Maklumbalas daripada pihak alumni merupakan antara maklumat yang penting bagi membantu menilai secara berterusan kualiti program pengajian yang ditawarkan. Kelebihan dan kekurangan yang wujud ini perlu bagi merancang strategi serta tindakan yang lebih berkesan agar dapat menghasilkan graduan yang menepati kehendak industri. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji kebolehpasaran Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian) yang ditawarkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melibatkan responden yang terdiri daripada alumni iaitu mantan pelajar program tersebut seramai 33 orang.

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan melalui soal selidik melibatkan data secara kuantitatif sepenuhnya. Kesesuaian bidang, tempoh pengajian, subjek yang ditawarkan dan sumbangan program kepada industri pekerjaan dianalisis secara deskriptif melalui peratus kekerapan responden.


4. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati majoriti responden iaitu melebihi 93 peratus daripada keseluruhan responden kajian ini bersetuju bahawa program Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian) yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan industri (Jadual 1). Ia diakui perlu disebabkan teknologi digital dalam perniagaan yang semakin berkembang pesat pada era Revolusi Industri 4.0 ini.

Merujuk kepada Jadual 1, kesemua 33 orang atau 100 peratus responden bersetuju bahawa program yang ditawarkan ini memenuhi keperluan dalam bidang, subjek yang ditawarkan adalah berkaitan dengan situasi semasa dan tempoh pengajian tiga tahun adalah mencukupi. Namun 31 daripada 33 (93.94%) dan 32 daripada 33 orang (96.97%) bersetuju bahawa program ini menyumbang kepada keperluan bidang dan berjaya menghasilkan graduan yang diperlukan oleh industri.

Jadual 1: Kebolehpasaran Graduan BB01


Ciri Kebolehpasaran	Peratus Kekerapan
Memenuhi keperluan dalam industri	100.00
Kursus berkaitan dengan situasi semasa	100.00
Menyumbang kepada keperluan bidang	93.94
Menghasilkan graduan yang diperlukan	96.97
Tempoh pengajian mencukupi	100.00



Rajah 1: Status Organisasi (Milikan Tempatan/Luar) Graduan Bekerja

Merujuk kepada Rajah 1, 28 orang daripada kesemua 33 alumni program yang terlibat dalam kajian ini iaitu 84.8% telah ditawarkan bekerja di organisasi milikan tempatan dan bekerja bersesuaian dengan bidang. Terdapat 5 orang graduan yang terlibat dalam kajian ini kini bekerja di organisasi milikan luar.

Graduan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian) ini juga didapati memperoleh pendapatan yang berpatutan dan bersesuaian dengan purata pendapatan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda baharu yang tiada pengalaman kerja sebelum ini.



Rajah 2: Julat Pendapatan Graduan Program BB01

16 daripada keseluruhan 33 responden iaitu 49% daripada keseluruhan graduan yang terlibat dalam kajian ini memperoleh pendapatan dengan julat RM2501 hingga RM3000. Manakala 39 peratus daripada mereka memperoleh pendapatan kurang RM2500. 9% dan 3% daripada keseluruhan responden memperoleh pendapatan lebih tinggi iaitu RM3001 hingga RM3500 dan RM3501 hingga RM4000. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa lebih 50 peratus graduan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang (Kepujian) berupaya menjana pendapatan melebihi RM2500.

Beberapa cadangan diberikan oleh responden bagi menambahbaik kualiti program yang ditawarkan ini. Antaranya adalah mendedahkan pelajar program ini dengan lebih banyak subjek yang relevan iaitu berkaitan ekonomi antarabangsa, pengurusan risiko, konsep asas praktikal dan forum berkaitan kerjaya. Tempoh praktikal sedia ada selama empat bulan juga dicadangkan agar dilanjutkan bagi memberikan pendedahan mendalam kepada bakal graduan dengan dunia pekerjaan sebenar.

5. KESIMPULAN

Persekitaran ekonomi kurang memberangsangkan pada 2020 terkesan akibat pandemik COVID-19 memberi impak besar kepada kedudukan pasaran buruh menyebabkan bilangan siswazah menganggur meningkat dengan ketara sebanyak 22.5 peratus. Graduan dalam pasaran buruh telah dikenalpasti bekerja namun tidak dapat digunakan sepenuhnya kepakaran mereka atau lebih dikenali sebagai guna tenaga tidak penuh. Oleh itu kajian kebolehpasaran program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi sebegini perlu dilakukan bagi menilai kesesuaian program agar memenuhi pasaran kerja masa kini. Institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Islam Selangor (UIS) akan terus menjadi antara universiti yang melahirkan dan mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran baharu agar memenuhi keperluan semasa industri.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Asonitou, S. (2015). Employability Skills in Higher Education and the Case of Greece. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 175: 283–290.
- Bell, S. (2010). Project Based Learning for the 21st Century: Skills for the Future. *the Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 83(2), 39-43.
- Bell, R. (2016). Unpacking the Link Between Entrepreneurialism and Employability: An Assessment Of The Relationship Between Entrepreneurial Attitudes And Likelihood Of Graduate Employment In A Professional Field. *Education and Training*, 58(1), 2–17.
- Dhawad, S. S. (2015). Review of Literature And International Practices In Embedding Employability In The Curriculum Of Higher Education Institutions. *International Journal of Research in Management & Social Science*, 3(1), 71–78.
- Enah Ali, Ridzwan Che' Rus, Mohd Adib Haron & Mohd Azlan Mohammad Hussain. (2018) Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Satu Analisis. *Sains Humanika* 10: 3-3 9–15 e-ISSN ISSN: 2289-6996
- Fenwick, T. (2003). Inside Out of Experiential Learning: Troubling Assumptions and Expanding Questions. *Paper Presented at Center for Research in Lifelong Learning, International Conference*, Glasgow, Scotland. June 2003.
- Guilbert, L., Bernaud, J.-L., Gouvernet, B. & Rossier, J. (2016). Employability: Review and Research Prospects. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 16(1), 69–89.
- Galloway, L., Marks, A. & Chillias, S. (2014). The Use of Internships to Foster Employability, Enterprise And Entrepreneurship In The IT Sector. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 21(4), 653–667.
- Hamzah N., Mustari M. I. dan Basiron B. (2014). Faktor Sokongan Individu Terhadap Kecemerlangan Wanita Bekerjaya. *Jurnal Teknologi*. 1, 5–16.
- Hatem, E.-G., Hassan, M. S. & Riyad, E. (2016). Entrepreneurship Education and Employability of Arab HE Business Students: An Attempt for a Primary Investigation. *International Journal of Business and Social Science*, 7(2), 52–72.
- Jackson, D. (2010). An International Profile of Industry-Relevant Competencies and Skill Gaps In Modern Graduates. *The International Journal of Management Education*, 8(3), 29–58.
- Jackson, D. (2016). Re-Conceptualising Graduate Employability: The Importance of Pre-Professional Identity. *Higher Education Research & Development*, 35(5), 925–939.
- Jansen, C dan Van Der Merwe, P. (2015). Teaching Practice in 21st Century: Emerging Trends, Challenges and Opportunities. College of Education & College of Human Sciences, Unisa.
- Jonck, P. (2014). A Human Capital Evaluation of Graduates from the Faculty of Management Sciences Employability Skills in South Africa. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 3(6), 265–274.
- Kang, M., Heo, H., Jo I. H., Shin, J. dan Seo, J. (2010). Developing Educational Performance Indicator for New Millennium Learners. *Journal of Research on Technology in Education*. 43(2), 157-170.
- Lehman, J., George, M., Buchanan, P. dan Rush, M. (2006). Preparing Teachers to Use Problem-Centered, Inquiry-Based Science: Lessons from a Four-Year Professional Development Project. *The Interdisciplinary Journal of Problem-Based Learning*. 1(1), 76-99.

- Ling, H. & Venesaar, U. (2015). Enhancing Entrepreneurship Education of Engineering Students For Increasing Their Metacognitive Abilities: Analysis Of Students' Self-Assessments. *Engineering Economics*, 26(3), 333–342.
- Lorraine, D. P., Pamela, Q. & Peter, J. S. (2014). Exploring the Factor Structure of The Career Edge Employability Development Profile. *Education + Training*, 56(4), 303–313.
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2017). Sikap dalam Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Pencapaian Pelajar di Politeknik Perak. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(1), 1-14.
- Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim. (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013): 77-92.
- Nor Shela Saleh & Mohd Shafie Rosli (2019). Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 2 (2), 71–81.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(1), 29-41.
- Werner, J. M. dan Desimons, R. L. (2006). *Human Resources Development*, 4th edition. United State: Thomson South Western.
- Taylor, E. (2016). Investigating the Perception of Stakeholders on Soft Skills Development of Students: Evidence from South Africa. *Interdisciplinary Journal of e-Skills and Lifelong Learning*, 12, 1–18.